

## TABLET DIOSMIN

### A. APAKAH KEGUNAAN UBATINI?



- Ubat ini digunakan merawat masalah berkaitan salur darah seperti buasir, vena varikos, kurang peredaran darah di bahagian kaki dan pendarahan pada mata dan gusi.

### B. BAGAIMANA UBATINI BERTINDAK?

- Ubat ini bertindak dengan mengurangkan bengkak dan memelihara fungsi normal salur darah

### C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- Ubat ini dimakan selepas makan.
- Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama.



#### B. JIKA TERLUPA

- Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!

### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;



- Mempunyai sejarah alahan dengan ubat ini.
- Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;



- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan  
(contoh: sakit perut)
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini

## E. KESAN SAMPING UBAT

**AMARAN !!**

**SEKIRANYA**

**TANDA-**

**TANDA INI**

**BERLARUTAN**

**SILA**

**RUJUK**

**DOKTOR**

- ⊕ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Sakit perut
- Sakit pada bahagian abdomen
- Cirit-birit
- Sakit kepala
- Sakit urat

- ⊕ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Alahan seperti gatal-gatal dan kulit menjadi kemerah-merahan.
- Kadar denyut jantung berubah.

Rujukan:

- <https://www.webmd.com>

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---